

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7137

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah saman trafik yang dikenakan kepada pengunjung kuliah Jumaat Tuan Guru Dato Nik Abdul Aziz di Dataran Ilmu Kota Bharu sepanjang 2012, 2013 dan 2014. Sejauh manakah budi bicara polis dalam mengatasi kesusahan meletak kereta bagi ribuan pengunjung kuliah ilmu Tuan Guru Nik Abdul Aziz dan kaedah yang diguna pakai oleh polis trafik dalam mengendalikan kesesakan lalu lintas di mana-mana majlis ilmu dan ceramah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penugasan anggota trafik adalah untuk mengawal aliran trafik di tempat-tempat yang dikenalpasti berlaku kesesakan pada waktu puncak di seluruh negara atau semasa sesuatu majlis diadakan di kawasan yang boleh mengganggu aliran trafik kepada pengguna jalanraya yang lain. Di dalam melaksanakan tugas berkenaan, pihak polis sentiasa menggunakan budi bicaranya mengikut peruntukan yang terkandung dalam undang-undang. Tindakan akan diambil kepada mana-mana pemandu yang secara jelas telah melanggar undang-undang atau peraturan yang telah ditetapkan seperti dengan sengaja meletakkan kenderaan yang boleh menghalang kenderaan yang lain.

Dalam kuliah, ceramah atau acara lain yang diadakan di Stadium Sultan Muhammad IV dan di masjid Muhammadi di Kota Baru, Kelantan, pihak polis telah menjalankan penguatkuasaan dan kawalan trafik di tempat berkenaan semasa acara tersebut diadakan bagi menentukan aliran trafik sentiasa lancar. Tindakan yang diambil adalah kepada kenderaan yang didapati secara jelas telah menghalang pergerakan kenderaan lain yang menggunakan jalanraya di sekitar kawasan tersebut.

Statistik saman yang telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di kawasan berkenaan bagi semua acara yang diadakan pada tahun 2012 sehingga 2014 seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH SAMAN (POL 257 DAN 170A)
2012	525
2013	509
2014 (Jan – Ogos)	362

Tindakan polis dalam mengatasi masalah tempat letak kenderaan di kawasan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. **Anggota sentiasa ditugaskan di lokasi tersebut sepanjang acara dijalankan.**
2. **Pengunjung dinasihatkan meletakan kenderaan di Stadium Sultan Muhammad IV dan di masjid Muhammadi dekat Istana lama.**
3. **Pengunjung dinasihatkan berkongsi kenderaan.**
4. **Penggunaan motosikal digalakkan di kalangan pengunjung.**
5. **Pengunjung dinasihatkan menggunakan kenderaan awam.**

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7132

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah yang diambil untuk memastikan tiada warga asing menggunakan dokumen pengenalan palsu, menjadi pengawal keselamatan berikutan banyak kes sedemikian berlaku sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri telah mewajibkan semua syarikat kawalan keselamatan yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 untuk membuat pengesahan kad pengenalan secara biometrik di Jabatan Pendaftaran Negara. Ini untuk memastikan tiada warganegara asing diambil bekerja berdasarkan dokumen pengenalan yang dikemukakan.

Sekiranya terdapat syarikat yang tidak mematuhi peraturan ini, tindakan tegas akan diambil termasuklah menggantung dan membatalkan lesen mereka.